

Kenang tarikh isytihar merdeka

BH - 19/2/2006

Perarakan dari Lapangan Terbang Batu Berendam ke Padang Pahlawan, 20 Februari

Oleh Misiah Taib

MELAKA: Esok, 20 Februari 2006, hari bersejarah bagi negara kerana ia adalah ulang tahun ke-50 tarikh pengisytiharan kemerdekaan negara oleh Perdana Menteri pertama, Allahyarham Tunku Abdul Rahman.

Sehubungan itu, buat julung kalinya, Majlis Memperingati 50 Tahun Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Negara akan berlangsung dengan perarakan besar-besaran bermula dari Lapangan Terbang Batu Berendam sehingga ke Padang Pahlawan.

Pada 20 Februari 1956, Tunku Abdul Rahman pulang dari London dengan membawa perkhabaran gembira bahawa Tanah Melayu akan merdeka.

Batu Berendam adalah lokasi pesawat yang membawa Tunku mendarat dan dari situ beliau berarak ke Banda Hilir.

Di Padang Pahlawan, Banda Hilir, Tunku telah secara rasminya mengumumkan bahawa tarikh 31 Ogos 1957 dipilih sebagai tarikh keramat mengisytiharkan kemerdekaan negara.

Kurator Perbadanan Muzium Melaka, Mahadi Arifin, berkata perarakan anjuran kerajaan negeri esok, akan diketuai sendiri oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, bersama veteran Umno, MCA dan MIC bermula jam 3.40 petang iaitu waktu sama Tunku tiba di lapangan terbang itu pada tarikh sama,

50 tahun yang lalu.

Selepas bacaan doa, deklamasi sajak akan diadakan, diikuti pengkisahan sejarah kemerdekaan oleh Datuk Wira Borhan Md Yaman.

Selepas itu veteran Umno, Tan Sri Aziz Tapa akan membaca skrip pengisytiharan tarikh hari kemerdekaan negara yang pernah dibacakan oleh Tunku sebelum majlis diakhiri dengan amanat Ketua Menteri.

Mahadi berkata, upacara penuh bersejarah itu dijangka akan menarik kehadiran kira-kira 15,000 penduduk tempatan dan pelancong ke Padang Pahlawan.

Pada 1 Januari 1956, rombongan perikatan terdiri daripada Tunku, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Dr Ismail Abdul Rahman, H S Lee, T H Tan dan Abdul Kadir Shamsudin menaiki kapal MV Asia di Pelabuhan Tanjung Pagar, Singapura untuk ke London.

Turut serta dua wakil raja-raja Melayu, Datuk Nik Ahmad Kamil dan Abdul Aziz Abdul Majid.

Rundingan berlangsung selama tiga minggu iaitu 18 Januari hingga 8 Februari 1956.

FAKTA NOMBOR

50

tahun berlalu tarikh pengisytiharan kemerdekaan

20

Februari 1956 Tunku pulang dari London

15,000

dijangka hadir majlis ulang tahun